Persekutuan Pengakap Malaysia

Daerah Jempol

Negeri Sembilan

LENCANA KEAHLIAN

UNIT PENGAKAP KANAK-KANAK

Nama:……………………..………………………………

……………………

Sekolah:………………………………………………….

……………………Alamat:…………………………

…………………………………………………………

………………………………………………………

……………Tahun: 3 / 4 / AHLI BARU

Nama Penguji:

………………………………………………………………

…

**BIODATA AHLI**

**Nama:** ............................................................

**No Ahli:** ........................................................

**No Kumpulan:** ........................ **Jempol**

**Tahun:** .................. **/ 2018**

**No Kad Pengenalan:** .......................................

**Alamat Rumah:** ..............................................

.........................................................................

**Emel:** ............................................................

**No Hp:** ..........................................................

**Nama Ibu: ....................................................**

**Nama Ayah: ...............................................**

**No Tel: ......................................... (ibu)**
**.................................................... Ayah**

## LENCANA KEAHLIAN

| BIL | TAJUK | TARIKH DIUJI | PENGUJI |
|---|---|---|---|
| 1 | Persetiaan dan undang-undang Pengakap | | |
| 2 | Rukun Negara | | |
| 3 | Tabik, hormat, isyarat hormat dan cogan kata Pengakap | | |
| 4 | Sejarah permulaan Pergerakan Pengakap dan cerita hutan | | |
| 5 | Laung agung | | |

**LENCANA KEPANDAIAN *(Lencana Wajib – pilih satu)***

**(a) Lencana Ahli Renang**

**(b) Lencana Ahli Penunggang Basikal**




**1. Lambang Pengakap Malaysia**



a) Terdapat 3 kelopak pada lambang yang membawa maksud "Persetiaan Pengakap" iaitu:-" taat kepada Tuhan,Raja dan Negara" , "Menolong orang setiap masa" , "menurut undang-undang Pengakap".
b) Di dalam kedua-kedua kelopak terdapat bintang pecah lima(berwarna

hijau) menandakan undang-undang Pengakap yang sepuluh.
c) Ikatan hijau yang mengikat kelopak melambangkan "Persaudaraan Pengakap"
d) Bintang pecah 14 yang terdapat di tengah kelopak melambangkan "Kesemua negeri-negeri dalam Malaysia"
d) Bulan Sabit yang terdapat di bawah kelopak menandakan "Agama rasmi Negara iaitu Agama Islam".

e) Lingkaran Tali berwarna biru tua melambangkan "Perpaduan Rakyat Malaysia dan Persaudaraan Pengakap Sedunia".
f) Warna kuning, hijau, merah yang terdapat pada lambang menandakan unit-unit pengakap.
Kuning - "Pengakap Kanak-Kanak", hijau "Pengakap Muda", merah "Pengakap Remaja"
g) Warna kuning pada bulan sabit dan bintang juga melambangkan warna diraja bagi Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja.

*Tandatangan penguji:…………………………………………*

*Nama Penguji: ………………………………………………...*

*Tarikh:……………………………………………………………*

## 2. Lambang Pengakap Dunia



a) Lambang Pengakap Dunia terletak di tengah lingkaran tali dengan hujungnya dimatikan dengan ikatan buku sila. Lingkaran tali membawa maksud ' persaudaraan Pengakap seluruh dunia.'

b) Lambang Pengakap di dalam lingkaran tali itu mempunyai tiga kelopak yang membawa maksud Persetiaan Pengakap.
c) Di dalam kelopak kiri dan kanan terdapat bintang pecah lima pecahan bintang itu,membawa maksud sepuluh Undang-Undang Pengakap.
d) Ketiga-tiga kelopak pula dicantum dengan satu ikatan tali.Ikatan itu membawa erti yang pengakap itu bersaudara dengan semua pengakap seluruh dunia.
e) Warna ungu pada lambang ialah warna Biro Pengakap Sedunia.
f) Warna putih membawa maksud kecucian dan kebersihan.

*Tandatangan penguji:………………………………………..*

*Nama Penguji: ………………………………………………..*

*Tarikh:…………………………………………………………..*

**3. Persetiaan Pengakap**

Bahawa dengan sesungguhnya

saya berjanji dan bersetia yang saya

dengan seberapa daya upaya saya akan :

Taat kepada Tuhan, raja dan negara,

Menolong orang pada setiap masa,

Menurut undang-undang pengakap.

*Tandatangan penguji:…………………………………….*

*Nama Penguji: ……………………………………………..*

*Tarikh:…………………………………………………………*

*Tandatangan penguji:…………………………………….*

*Nama Penguji: ……………………………………………..*

*Tarikh:…………………………………………………………*

**4. Undang-undang Pengakap**

1) dipercayai
2) taat
3) berguna
4) bersaudara
5) berbudi
6) kasihkan binatang
7) menurut perintah
8) tabah hati
9) berjimat
10) suci fikiran, perkataan, perbuatan

## 5. Prinsip Rukun Negara

Maka kami, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:
Kepercayaan kepada Tuhan,
Kesetiaan kepada raja dan negara,
Keluhuran perlembagaan, Kedaulatan

undang-undang,
kesopanan dan kesusilaan.

*Tandatangan penguji:……………………………………….*

*Nama Penguji: ………………………………………………..*

*Tarikh:……………………………………………………………*

6. **Hormat Pengakap**



diberikan semasa :

a) berjumpa dengan pemimpin pengakap dan pegawai-pegawai pengakap atau orang kenamaan.

b) Menerima anuerah, sijil atau hadiah

c) Istiadat menaik dan menurunkan bendera.

*Tandatangan penguji:……………………………………….*

*Nama Penguji: ………………………………………………..*

*Tarikh:……………………………………………………………*

7. **Cogan Kata Pengakap**

***Pengakap Kanak-kanak : Buat Sehabis Baik***

*Tandatangan penguji:……………………………………….*

*Nama Penguji: ………………………………………………..*

*Tarikh:*....................................................................

Pendidikan Awal : Charter House, London

Pekerjaan Bekas : Mejar Tentera British

Nama Isteri : Lady Olive Baden Powell

Tarikh Meninggal Dunia : 8 Januari 1941

**8. Sejarah Pengasas Pengakap**

Nama Penuh: Robert Stephenson Smith Baden Powell

Nama Singkatan : BP

Tarikh Lahir : 22 Febuari 1857

Tempat Lahir : London, England



**9. Sejarah Pengakap Malaysia**

F.C Sands di Singapura ( 1910 )

H.R Cheesman di Pulau Pinang ( 1915 ) dan Johor ( 1928 )

I.R Wheeler di Perak ( 1926 )

E.C Hicks, A.G Stuart, R.P.S Walker dan C. Bloomfield di Kedah (1922)

R. Brunnston di Melaka ( 1925 )

Bird dan Roger Smith di Negeri Sembilan ( 1925 )

Ameen Akhbar di Selangor ( 1926 )

A.J Cracle di Terengganu ( 1926 )

Y.M Tengku Ahmad Temenggung di Kelantan ( 1927 )

Perlis dibawah naungan Kedah ( 1931 )

Rev Canon Thomas Cecil Alexender di Sabah ( 1913 )

Sarawak ( 1915 )

*Tandatangan penguji:……………………………………….*

*Nama Penguji: ………………………………………………..*

*Tarikh:……………………………………………………………*

**10. CERITA HUTAN**

Kumpulan Serigala yang tinggal di hutan itu. Apabila anak-anak serigala sudah agak besar, mereka mestilah ditunjukkan kepada semua anggota Kumpulan. Mereka mengadakan Sidang Kumpulan sebulan sekali pada malam bulan purnama di kawasan berbatu-batu yang dipanggil Batu Sidang. Di sinilah nasib anak-anak serigala ditentukan, sama ada diterima sebagai anggota Kumpulan atau sebaliknya.

Apabila seekor anak serigala sudah diterima sebagai anggota Kumpulan, tidak seekor serigala lain pun boleh membunuhnya, dan jika ada yang membunuh, hukumannya ialah bunuh juga. Bapa Serigala menunggu sehingga anak-anaknya termasuk Mowgli, sudah boleh berlari-lari. Kemudian, pada suatu malam bulan purnama, Bapa dan Ibu Serigala pun membawa anak-anak mereka ke Batu Sidang itu. Apabila semua anggota Kumpulan sudah berada di situ dengan anak masing-masing, Ketua Kumpulan, seekor Serigala Jantan yang gagah lagi bijaksana bernama Akela, mula menyuruh ibu-ibu serigala menunjukkan anak masing-masing untuk dilihat oleh anggota-anggota Kumpulan.

Akhirnya tibalah kepada giliran Mowgli. Dia sedikit pun tidak menunjukkan rasa takut sebaliknya bergurau dengan anak-anak serigala lain seolah-olah dia pun serigala juga. Apabila Akela menyuruh anggota-anggota Kumpulan melihat Mowgli dan membuat keputusan, tiba-tiba Shere Khan mengaum dari belakang batu besar. "Anak manusia milikku. Berikan dia kepadaku semula kerana anak manusia tidak layak hidup bersama kumpulan Serigala!" katanya. Setelah senyap seketika, mulalah beberapa ekor anak serigala yang sudah agak dewasa menyatkan rasa tidak setuju mereka menerima Mowgli.

Mengikut Undang-undang Hutan, apabila timbul perselisihan begitu, dua anggota Kumpulan yang bukan ibu atau bapa kepada anak serigala itu mestilah bercakap menyokongnya baru dia diterima menjadi anggota Kumpulan. "Siapakah antara anggota Kumpulan yang bersedia menyokong?" tanya Akela, Ketua Kumpulan. Tidak seekor pun anggota Kumpulan itu bersuara dan Ibu Serigala pun bersedialah hendak bertempur bermati-matian untuk mempertahankan Mowgli.

Seekor binatang lain yang bukan anggota Kumpulan itu tetapi dibenarkan bercakap dalam Sidang Kumpulan ialah Baloo, seekor beruang tua yang menjadi guru mengajar anak-anak serigala Undang-undang Hutan. Setelah tidak ada serigala yang lain bercakap, Baloo berdiri di tempatnya di belakang Batu Sidang dan menyokong supaya Mowgli diterima sebagai anggota Kumpulan. Dia sendiri berjanji akan mengajar Mowgli.

Tetapi Mowgli memerlukan lagi satu suara menyokongnya. Ketika Akela meminta sokongan lagi, Bagheera, seekor Harimau Kumbang yang tangkas tetapi baik hati, tiba-tiba bercakap. Walaupun dia tidak berhak bersuara, tetapi mengikut Undang-undang Hutan, nyawa seekor anak serigala boleh ditebus dengan seekor buruan. Dia akan menghadiahkan seekor lembu jantan yang baru dibunuhnya dan disembunyikan tidak jauh dari situ untuk menebus nyawa Mowgli supaya diterima sebagai anggota Kumpulan.

Anggota-anggota Kumpulan segera bersetuju menerima Mowgli sebagai anggota apabila mendengar hadiah lembu jantan yang ditawarkan oleh Bagheera itu. Mereka turun dari bukit dan pergi beramai-ramai mendapatkan buruan itu dan tinggallah Akela, Bagheera, Baloo dan keluarga Mowgli saja di Batu Sidang itu. Shere Khan mengaum lagi sekuat hatinya,

terlalu marah kerana budak itu tidak diserahkan kepadanya. Tetapi Akela berkata keputusan itu amat baik kerana manusia dan anak mereka memang baik dan Mowgli akan dapat memberi pertolongan kepada suatu hari kelak.

*Tandatangan penguji:……………………………………..*

*Nama Penguji: ………………………………………………..*

*Tarikh:…………………………………………………………*

**11.Istiadat Laung Agung ( Pengakap Kanak-Kanak )**




1. Akela berteriak PEK ! ( bermaksud PKK berhenti, diam dan dengar arahan seterusnya dalam keadaan sedia).

2. Akela berteriak PEK ! PEK ! PEK ! lalu melebarkan kedua tangan separas bahu yang menunjukkan isyarat untuk membentuk bulatan kecil.

3. Sambil berteriak PEEEEK, pengakap kanak-kanak berlari menghampiri Akela lalu

membentuk bulatan mengelilingi Akela mengikut sekawan. Akela mendepa tangan dan PKK pula berpegangan tangan.

4. Akela angkat tangan tinggi sedikit. PKK mengangkat tumit. Akela menurunkan tangan rapat ke peha, PKK segera melepaskan pegangan sesama mereka lalu duduk mencangkung rapat manakala tangan berada di sisi luar kedua belah peha lalu berteriak ' AKELA, KITA BUAT HABIS BAIK ". Sebaik sahaja menyebut BAIK, pkk terus berdiri dlm keadaan sedia mengadap Akela.

5. Petugas dari sekawan bertugas memberi hormat kepada Akela dan mencabar sambil berteriak " KAMU BUAT HABIS BAIK " ( intonasi menyoal ). PKK yang membalas hormat sambil menjawab " KAMI BUAT HABIS BAIK ".

6. Akela membalas hormat dalam keadaan sedia. ( PKK tidak turunkan tangan mereka sehingga Akela turunkan tangannya dari posisi tabik hormat ).

Istiadat Laung Agung hanya bermula daripada Perkara 1 - 6 seperti di atas. Selepas selesai perkara no. 6, Istiadat Mengibar Bendera dilakukan bagi PKK.

Laung Agung merupakan:
1. Tradisi dalam Istiadat Pengakap Kanak-Kanak.
2. Diamalkan di seluruh dunia.
3. Mengingatkan Pengakap Kanak-Kanak supaya ‘BUAT HABIS BAIK”
4. Untuk menghormati tetamu.
5. Melahirkan semangat setiakawan,perpaduan serta membina displin.

Bila diadakan?
1. Setiap kali diadakan perjumpaan
2. Setiap kali semasa menamatkan perjumpaan

*Tandatangan penguji:……………………………………….*

*Nama Penguji: ………………………………………………..*

*Tarikh:…………………………………………………………..*